



## **SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

# **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 04 / 2023**

### **STATUS KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN NEGERI N.07 BATANG KALI, SELANGOR**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman daripada **YB Tuan Ng Suee Lim**, **Speaker Dewan Negeri Selangor** melalui surat pada **21 Februari 2023**, berhubung dengan status kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Negeri N.07 Batang Kali, Selangor** selepas diisytiharkan kosong di bawah Perkara LXIX Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.
2. Berdasarkan kepada Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, Bab 5 Perkara LXX (5), YB Speaker Dewan Negeri Selangor telah memaklumkan kepada SPR bahawa **tiada keperluan** bagi mengisi kekosongan luar jangka tersebut. Selaras dengan itu, **TIADA** Pilihan Raya Kecil (PRK) Bahagian Pilihan Raya Negeri N.07 Batang Kali, Selangor akan dijalankan.

Sekian.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

22 Februari 2023 / 1 Syaaban 1444H